

D.R. 29/2023

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Bekalan Elektrik 1990.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan tajuk panjang

2. Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam tajuk panjang dengan memotong perkataan “dan penggunaan elektrik dengan cekap”.

Pindaan seksyen 4

3. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (*k*), dengan memotong perkataan “penggunaan elektrik dengan cekap,”;

(b) dalam teks bahasa Inggeris, dalam perenggan (*ga*), dengan menggantikan perkataan “efficient” dengan perkataan “effective”; dan

(c) dengan memotong perenggan (*la*).

Pindaan seksyen 11

4. Subseksyen 11(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “cekap” dengan perkataan “berkesan”.

Pemotongan Bahagian VA

5. Akta ibu dipinda dengan memotong Bahagian VA.

Pindaan seksyen 53

6. Subseksyen 53(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perenggan (*xa*), (*xj*) dan (*xk*).

Kecualian dan peralihan

7. (1) Apa-apa permohonan bagi dan pengeluaran, suatu Perakuan Kelulusan berkenaan dengan penggunaan elektrik dengan cekap di bawah Akta ibu yang belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah disifatkan telah dibuat dan hendaklah diuruskan oleh Suruhanjaya di bawah peruntukan berkaitan Akta Konservasi dan Kecekapan Tenaga 2023 [*Akta...*].

(2) Apa-apa Perakuan Kelulusan berkenaan dengan penggunaan elektrik dengan cekap yang dikeluarkan di bawah Akta ibu dan masih berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan telah dikeluarkan di bawah Akta Konservasi dan Kecekapan Tenaga 2023 dan hendaklah terus sah sehingga Perakuan Kelulusan itu tamat tempoh atau dibatalkan oleh Suruhanjaya.

(3) Apa-apa laporan ujian prestasi tenaga, yang dibuat berkenaan dengan penggunaan elektrik dengan cekap di bawah Akta ibu sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah disifatkan telah dibuat dengan sah di bawah Akta Konservasi dan Kecekapan Tenaga 2023 dan hendaklah terus sah untuk tempoh lima tahun dari tarikh laporan itu atau sehingga laporan itu dibatalkan oleh Suruhanjaya.

(4) Apa-apa notis, perintah atau larangan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya berkenaan dengan penggunaan elektrik dengan cekap sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, dihentikan.

(5) Apa-apa tindakan, penyitaan, pendakwaan atau prosiding yang diambil, dibuat, dimulakan atau belum selesai berkenaan dengan penggunaan elektrik dengan cekap sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(6) Mana-mana peruntukan dalam perundangan subsidiari yang dibuat di bawah perenggan 53(*xa*), (*xj*) dan (*xk*) Akta ibu yang dipotong hendaklah berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau digantikan dengan perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Bekalan Elektrik 1990 (“Akta 447”) berikutan penggubalan Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023. Semua perkara yang berhubungan dengan penggunaan tenaga elektrik dengan cekap akan diperuntukkan dalam Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 itu.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 447 untuk memotong perkataan “dan penggunaan elektrik dengan cekap” kerana semua perkara yang berhubungan dengan penggunaan elektrik dengan cekap bukan lagi di bawah ruang lingkup Akta 447.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 447.

Subfasal 3(a) dan *(c)* masing-masing bertujuan untuk meminda perenggan 4(*k*) dengan memotong perkataan “penggunaan elektrik dengan cekap” dan memotong perenggan (*la*). Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk meniadakan semua perkara yang berhubungan dengan penggunaan elektrik dengan cekap daripada fungsi dan tugas Suruhanjaya Tenaga dan perkara tersebut akan diperuntukkan di bawah Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk memotong Bahagian VA Akta 447 bagi meniadakan semua peruntukan berkenaan dengan penggunaan elektrik dengan cekap di bawah Akta 447.

6. *Fasal 6* bertujuan untuk memotong perenggan 53(*xa*), (*xj*) dan (*xk*) Akta 447 untuk meniadakan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan penggunaan elektrik dengan cekap di bawah Akta 447.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kecualian dan peralihan.

8. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3318]